

**KEMPEN "UJIAN RINTIS SISTEM TOL ANPR 2025"  
TERMA DAN SYARAT**

**1. Penganjur**

Kempen "Ujian Sistem Tol ANPR 2025" dianjurkan oleh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad ("PLUS Berhad") yang beralamat berdaftar di Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia ("PLUS Berhad" atau "Penganjur") ("Kempen").

**2. Objektif**

Objektif Kempen "Ujian Rintis Sistem Tol ANPR 2025" adalah untuk menjemput pengguna yang layak menguji Sistem Tol Pembayaran Terbuka Pengecaman Nombor Plat Kenderaan Automatik ("ANPR") di sembilan (9) plaza tol sepanjang laluan Hutan Kampung – Sungai Dua bermula 11 Ogos 2025. ANPR merujuk kepada Pengecaman Nombor Plat Kenderaan Automatik, iaitu satu penyelesaian yang menggunakan kamera dan perisian pengecaman imej untuk mengesahkan nombor plat kenderaan bagi tujuan pembayaran tol di Lebuhraya PLUS.

Untuk menguji Sistem Tol Pembayaran Terbuka ANPR di plaza tol tersebut, sila pastikan anda HANYA menggunakan "Lorong RFID dan Lorong Hibrid RFID" semasa masuk dan keluar, dan bayaran akan dicaj kepada kad debit/kredit berdaftar anda.

Untuk memulakan, peserta mesti memuat turun Aplikasi JustGo Digital (versi beta) dari App Store atau Google Play, melengkapkan pengesahan identiti (eKYC), menambah kad debit/kredit (eKYP), dan mendaftarkan kenderaan anda (eKYV) untuk memulakan ujian mengikut terma dan syarat kempen.

**3. Kelayakan**

Kempen ini hanya terbuka kepada ahli PLUSMiles terpilih dan tidak boleh dipindah milik. Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta) boleh dimuat turun melalui Play Store atau App Store dan hanya menyokong Android 13 ke atas serta Apple iOS 18.0.0 ke atas.

**4. Cara Penyertaan**

Anda perlu log masuk ke aplikasi mudah alih JustGO (versi beta) menggunakan nombor telefon bimbit atau alamat e-mel yang dihantar kepada anda melalui e-mel dan didaftarkan di bawah akaun PLUSMiles. Selepas log masuk, anda perlu melengkapkan perkara berikut: pengesahan emel, pengesahan identiti (eKYC), menambah kaedah pembayaran (kad debit atau/dan kad kredit) (eKYP), dan mendaftarkan kenderaan anda (eKYV). Setelah langkah pengesahan selesai, anda boleh mula menggunakan ANPR dan rujuk kepada nombor 5 untuk mata PLUSMiles percuma yang akan diberikan tertakluk kepada terma dan syarat.

**5. Bermula 11 Ogos 2025, anda akan diberikan mata PLUSMiles PERCUMA sebagai tanda penghargaan seperti berikut:-**

Kriteria	Ganjaran PLUSMiles Mata	Butiran
Anda berjaya melengkapkan langkah pengesahan dalam Aplikasi Mudah Alih JustGo Digital (versi beta) seperti yang disenaraikan di bawah:- <ul style="list-style-type: none"><li>Pengesahan nombor telefon bimbit</li><li>Pengesahan e-mel</li></ul>	3,333 Mata Ganjaran PLUSMiles	Berjaya melengkapkan pengesahan seperti yang ditetapkan sebelum 30 Ogos 2025. Mata PLUSMiles akan dikreditkan ke akaun PLUSMiles anda selewat-lewatnya pada 19 September 2025.

<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengesahan identity (eKYC)</li> <li>Tambah kaedah pembayaran (eKYP)</li> <li>Daftar kenderaan (eKYV)</li> </ul>		
Lengkapkan sekurang-kurangnya 20 transaksi ANPR setiap sebulan (dari Ogos – Oktober 2025)	5,000 Mata Ganjaran PLUSMiles	<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu (1) bulan akan dikira sebagai bulan kalendar:- Bulan 1: 11 Ogos – 31 Ogos Bulan 2: 1 Sept – 30 Sept Bulan 3: 1 Okt – 31 Okt</li> <li>5,000 mata PLUSMiles akan diberikan jika anda melengkapkan sekurang-kurangnya 20 transaksi ANPR dalam sebulan.</li> <li>Jika anda melengkapkan sekurang-kurangnya 20 transaksi ANPR untuk setiap bulan kalendar, anda akan diberikan 5,000 mata PLUSMiles bagi setiap bulan kalendar tersebut.</li> <li>Mata ganjaran maksimum ialah 5,000 mata sebulan x 3 bulan = 15,000 mata ganjaran.</li> <li>Mata PLUSMiles akan dikreditkan ke akaun PLUSMiles anda dalam tempoh 14 hari bekerja selepas melengkapkan 20 transaksi setiap bulan.</li> </ul>

## 6. Sistem Pengecaman Nombor Plat Automatik (ANPR)

- Untuk membolehkan pembayaran tol melalui ANPR di Lebuhraya PLUS, anda mesti melengkapkan lima (5) langkah pengesahan dalam akaun JustGO anda:
  - Pengesahan Nombor Telefon Bimbit;
  - Pengesahan E-mel;
  - e-KYC (Pengesahan Identiti);
  - e-KYV (Pengesahan Kenderaan); dan
  - e-KYP (Pengesahan Pembayaran).
- Anda mesti memiliki kenderaan yang dilengkapi dengan **Tag RFID TNG yang aktif serta menggunakan lorong RFID sahaja semasa masuk atau keluar untuk mengguna Sistem Tol Pembayaran Terbuka ANPR**. Jika nombor plat anda tidak dapat dikesan oleh sistem ANPR semasa perjalanan, bayaran tol akan dibuat melalui Tag TNG RFID dan ditolak daripada TNG e-Wallet anda.
- Butiran transaksi tol menggunakan ANPR boleh dilihat dalam Tab Transaksi pada akaun JustGO anda. Transaksi melalui Tag TNG RFID pula boleh dilihat dalam TNG e-Wallet anda.

- d. Fasiliti pembayaran tol ANPR yang sedang dalam fasa ujian kini tersedia di lorong RFID dan lorong hibrid RFID sahaja di plaza tol berikut sepanjang Lebuhraya PLUS: -
  - a) Plaza Tol Hutan Kampung;
  - b) Plaza Tol Alor Setar (Utara);
  - c) Plaza Tol Alor Setar (Selatan);
  - d) Plaza Tol Pendang;
  - e) Plaza Tol Gurun;
  - f) Plaza Tol Sungai Petani (Utara);
  - g) Plaza Tol Sungai Petani (Selatan);
  - h) Plaza Tol Bertam; dan
  - i) Plaza Tol Sungai Dua.
- e. Sekiranya anda memadam maklumat kenderaan dalam *Vehicles List* dan/atau maklumat kad bank dalam *Payment Methods List* dalam Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta) selepas memasuki lebuh raya tetapi sebelum keluar, bayaran tol bagi perjalanan tersebut masih akan dicaj kepada kenderaan dan kad bank yang telah dipadam/yang telah dikeluarkan tersebut.
- f. Sekiranya bayaran tol tidak dapat dicaj kepada mana-mana kad bank anda, bayaran tersebut akan ditandakan sebagai tertunggak dan fungsi pembayaran tol ANPR anda akan digantung sehingga ianya diselesaikan:
  - a) Anda tidak akan dibenarkan menggunakan Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta) untuk pembayaran tol sehingga semua bayaran tertunggak diselesaikan.
  - b) Anda bertanggungjawab untuk menyemak Tab Transaksi dalam aplikasi JustGO dan membuat pembayaran dengan segera bagi mengaktifkan semula fungsi pembayaran tol ANPR.

## 7. Liabiliti dan Tanggungjawab

- a. Anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan, liabiliti, prosiding, kos dan perbelanjaan yang ditanggung atau mungkin ditanggung oleh Penganjur yang berpunca daripada penyertaan anda dalam Kempen ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian tidak dijangka, kecederaan, kerosakan, tuntutan, kerosakan harta benda atau kematian). Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kerugian atau kejadian tidak dijangka dalam apa jua keadaan. Anda juga bertanggungjawab memastikan ketepatan maklumat yang diberikan dalam aplikasi JustGO dan mematuhi semua langkah pengesahan yang dinyatakan di atas.
- b. Penganjur, pegawai, pekerja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan — termasuk kerugian tidak langsung, khas atau berbangkit, kehilangan keuntungan atau pendapatan — yang anda atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh anda alami berkaitan dengan penyertaan anda dalam kempen ini. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada ralat, gangguan, penghapusan, kelewatan, kerosakan teknikal, kegagalan talian komunikasi, akses tanpa kebenaran, atau sebarang isu luar jangka yang berada di luar kawalan Penganjur..
- c. Anda bersetuju bahawa Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, kecederaan atau kerosakan pada komputer anda dan/atau sistem pihak ketiga yang berpunca daripada penyertaan anda dalam Kempen "Ujian Sistem Tol ANPR 2025" termasuk memuat turun bahan atau memuat naik maklumat melalui laman web PLUSMiles atau aplikasi JustGO (versi beta).
- d. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan dan/atau kegagalan untuk menerima penyertaan anda disebabkan oleh gangguan atau kelemahan perkhidmatan Internet atau rangkaian telekomunikasi yang digunakan oleh anda.

- e. Dengan menyertai Ujian Rintis bagi Sistem Pembayaran Terbuka ANPR ("Ujian Rintis Tol ANPR") dan memuat turun serta mengakses Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta), anda dengan ini bersetuju untuk tidak akan, tanpa kebenaran bertulis daripada pihak kami, membuat, menerbit atau menyampaikan kepada mana-mana individu, entiti atau mana-mana forum awam (termasuk dan tidak terhad kepada media sosial) sebarang kenyataan, ulasan atau komen berkaitan dengan Ujian Rintis Tol ANPR, termasuk dan tidak terhad kepada penggunaan Aplikasi Mudah Alih JustGO ketika Ujian Rintis Tol ANPR, apa-apa bahan komunikasi dan perkara – perkara lain yang berkaitan dengan Ujian Rintis Tol ANPR tersebut pada bila-bila masa.

Kegagalan untuk mematuhi perkara di atas boleh mengakibatkan penggantungan atau penamatkan akses anda kepada Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta) dan/atau tindakan undang-undang diambil tanpa sebarang notis lanjut.

#### **8. Hak Penganjur**

- a. Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya dan tanpa notis terlebih dahulu, untuk mengubah, menggantung, atau membatalkan Kempen "Ujian Sistem Tol ANPR 2025" ini sekiranya ia tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang akibat gangguan, isu teknikal, virus, penggodaman, penipuan, atau sebarang sebab di luar kawalan Penganjur, walaupun selepas usaha terbaik telah dilakukan.
- b. Penganjur berhak sepenuhnya untuk membatalkan penyertaan anda jika didapati atau disyaki anda menyalahgunakan proses penyertaan, mengganggu operasi kempen, atau melanggar terma dan syarat. Penganjur juga berhak untuk menggantung atau menamatkan keahlian PLUSMiles anda jika anda disyaki melanggar mana-mana terma ini. Penganjur boleh mengambil tindakan undang-undang sekiranya terdapat bukti anda terlibat dalam penipuan, penyalahgunaan, atau aktiviti merosakkan berkaitan dengan kempen ini.
- c. Dengan menyertai Kempen "Ujian Sistem Tol ANPR 2025", anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta Polisi Privasi dan Terma & Syarat aplikasi JustGO (versi beta) yang tersedia di dalam aplikasi tersebut.
- d. Dengan menyertai kempen "Ujian Sistem Tol ANPR 2025" ini, anda bersetuju bahawa data peribadi anda seperti nama, maklumat hubungan, butiran kenderaan dan rekod transaksi boleh dikumpul dan digunakan oleh Penganjur dan penyedia perkhidmatan pihak ketiganya bagi tujuan pengurusan penyertaan, pengesahan kelayakan, pemprosesan transaksi tol, dan pemberian Mata Ganjaran PLUSMiles. Semua data peribadi akan dikendalikan selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA)** dan **Polisi Privasi aplikasi JustGO**. Penganjur juga berhak untuk menggantung penyertaan anda, membatalkan ganjaran, atau mengambil tindakan sewajarnya jika berlaku sebarang penipuan, penyalahgunaan atau aktiviti mencurigakan sepanjang Tempoh Kempen.

#### **9. Hubungi Kami**

Untuk sebarang maklum balas atau pertanyaan mengenai pengalaman anda menggunakan Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta) atau sistem tol ANPR, sila hubungi kami di **contact@justgo.com.my** untuk sebarang soalan atau bantuan lanjut. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Terma & Syarat serta Soalan Lazim yang terdapat dalam Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Terma & Syarat serta Soalan Lazim yang terdapat dalam Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta)